

# Pendidikan sepanjang hayat di pusat luar UMS

NST 17.4.2014 10

KOTA KINABALU: Pelbagai program pendidikan secara separuh masa khusus untuk golongan yang sedang bekerja kini sedang ditawarkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Luar Malaysia Sabah (PLUMS) sebuah pusat pendidikan sepanjang hayat yang diurus tadbir oleh UMS Link Holdings Sdn. Bhd.

Pengarah PLUMS yang baharu dilantik Prof. Madya Dr. Mohd. Yusof bin Abdullah (gambar) menyatakan bahawa PLUMS menawarkan sepuluh (10) program Ijazah Sarjana berbentuk kerja kursus dalam pelbagai bidang bagi ambilkan September 2014/2015, di antaranya ialah:

-Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Sarjana Ekonomi, Sarjana Pengurusan Modal Manusia (Sekolah Perniagaan dan Ekonomi)

-Sarjana Psikologi Kaunseling (Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial)

-Sarjana Pendidikan dengan pengkhususan dalam TESL, Pendidikan Sains, Komputer dalam Pendidikan, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Pengurusan dalam Pendidikan serta Kurikulum dan Pengajaran (Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial)

PLUMS juga membuka penawaran program Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Sarjana Ekonomi, dan Sarjana Pengurusan Modal Manusia secara sepenuh masa untuk memenuhi permintaan ramai yang berminat untuk menyertai program UMS ini.

"PLUMS berusaha sedaya upaya untuk memberi peluang seluas-luasnya kepada bakal pelajar mengikuti program UMS, khususnya dari kalangan bakal pelajar yang sedang bekerja di negeri Sabah dan negeri-negeri lain di Malaysia," katanya.

Beliau berkata kKursus yang ditawarkan adalah memenuhi keperluan majikan dan industri untuk melengkapkan para pelajar dengan pengetahuan yang lebih mendalam, teknik dan kemahiran terkini dalam bidang masing-masing. PLUMS juga sedang berusaha meningkatkan jumlah pengambilan pelajar antarabangsa terutamanya dari negara membangun.

"Pengambilan pelajar dari seluruh dunia adalah memberi peluang kepada pelajar untuk bergaul dengan masyarakat dunia di samping berpeluang menguasai bahasa asing", tambahnya.

Menurut beliau lagi sebagai satu-satunya IPTA yang berpusat di negeri Sabah, terdapat pelbagai kelebihan yang sedia ditawarkan kepada bakal pelajar program sarjana, antaranya ialah program Ijazah Sarjana yang diiktiraf, tenaga pengajar yang berkelayakan tinggi dimana sekurang-kurangnya pensyarah mestilah adalah memiliki ijazah PhD, 'contact hour' yang

mematuhi ketetapan MQA, ruang pembelajaran yang kondusif, bimbingan yang berterusan kepada semua bakal pelajar, kemudahan perpustakaan dan ICT yang memuaskan. PLUMS juga menitik beratkan kepentingan pembelajaran 'face to face' bersama pelajar.

Dr. Yusof menambah, bekerja sambil belajar bukan satu perkara yang mudah. Cabarannya sangat besar kepada bakal pelajar yang sedang bekerja, namun dengan bimbingan yang mencukupi cabaran ini tentu sekali dapat diatasi.

Beliau berkata pelajar harus tahu bagaimana untuk membahagikan masa untuk bekerja, belajar dan masa untuk bersama keluarga. Pembahagian masa haruslah diatur dengan bijak di mana pelajar tahu bagaimana membezakan yang mana harus diberi keutamaan dahulu.

"Kesungguhan dan komitmen yang tinggi amat diperlukan oleh bakal pelajar untuk meneruskan pengajian program pascasiswazah ini. Apa sahaja yang akan dilakukan memerlukan dua aspek ini, jika tidak, harapan akan tinggal harapan sahaja dan tidak akan membuahkan sebarang hasil.

Menjawab persoalan yang sering ditanya mengenai latar belakang tenaga pengajar PLUMS, ianya terdiri daripada pensyarah kanan Universiti Malaysia Sabah (UMS), professor madya dan profesor yang cukup pengetahuan dan berpengalaman dalam bidang masing-masing.

Malah kata beliau ada di antara pensyarah ini juga menyumbang kepakaran masing-masing sebagai perunding kepada badan-badan, pertubuhan-pertubuhan tertentu yang bakal memberikan impak besar kepada proses pembelajaran bakal pelajar program peringkat sarjana ini.

Secara peribadi menurut Dr. Yusof lagi, beliau mempunyai keazaman dan harapan yang cukup tinggi untuk merealisasikan konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat kepada pihak yang prihatin tentang kepentingan konsep ini. Dengan sedaya upaya, pihak PLUMS akan berusaha untuk menyediakan kemudahan yang mencukupi bagi menjayakan konsep ini pada kadar yang terbaik asalkan kemudahan yang disediakan ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar yang berkenaan.

PLUMS juga turut menawarkan program Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan untuk ambilkan September yang akan datang dalam bidang-bidang seperti berikut:

-Pengurusan Kewangan dan Perbankan, Pemasaran, Ekonomi Sumber

Manusia dan Ekonomi Perancangan Wilayah

-Komunikasi dan Sejarah




- Kejuruteraan Perisian

- Pemasaran Antarabangsa dan Ke-  
wangian Islam

Kelas untuk program secara separuh masa ini akan dijalankan pada sebelah malam dan hujung minggu di kampus utama iaitu di Kota Kinabalu. Selain itu, terdapat juga program tertentu yang ditawarkan di Sandakan, Tawau dan Labuan.

Permohonan untuk program Ijazah Sarjana perlu menerusi atas talian "on-line" di alamat <https://smpp.ums.edu.my/application/> manakala permohonan untuk program Ijazah Sarjana Muda perlu menggunakan borang yang disediakan oleh pihak PLUMS yang boleh dimuat turun di <http://plums.ums.edu.my/>. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan melalui email di [marketing@umslink.com.my](mailto:marketing@umslink.com.my) atau hubungi talian 088- 320375/ 088- 448 341.



**LUAR  
KAMPUS ...**  
sebahagian  
dari pelajar  
yang  
sedang  
mengikuti  
program  
**PLUMS.**